

25 NOV 2002

e-PEROLEHAN-KERAJAAN/I

KERAJAAN MAHU PASTIKAN PUSAT PEMEROLEHAN KERAJAAN JADI PEMBOLEH E-PEROLEHAN

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Kementerian Kewangan akan meningkatkan usahanya bagi memastikan semua pusat pemerolehan kerajaan atau agensi pembelian adalah pemboleh e-Perolehan, dengan mensasarkan 520 pusat di Lembah Klang sahaja dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

Ini merupakan sebahagian daripada usaha agresif untuk merealisasikan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahu menjadikan Kerajaan Malaysia sebagai yang pertama di dunia berurusniaga menerusi pasaran elektronik secara online.

Perdana Menteri melahirkan hasratnya itu dalam ucapannya semasa pembentangan Belanjawan 2003 yang lalu.

"Ketika ini 100 pusat pemerolehan atau PTJ (Pusat Tanggungjawab) sudahpun menjadi pemboleh ePerolehan dan dengan 400 lagi dijangka menyusul pada akhir tahun, Lembah Klang akan secara rasmi menerajui pelaksanaan sistem pemerolehan elektronik seluruh negara Kerajaan kita," kata Datuk Mohd Salleh Masduki, ketua eksekutif Commerce Dot Com Sdn Bhd, hari ini.

"Ini bermakna Kerajaan hanya akan membeli daripada pembeli yang mempamerkan barangan dan perkhidmatan mereka dalam sistem e-Perolehan," katanya dalam satu kenyataan.

ePerolehan merupakan sistem pemerolehan elektronik canggih dan unik negara bagi bursa Kerajaan-kepada-Perniagaan (G2B) yang disediakan untuk menyelaraskan proses dan prosedur bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

Diberikan kepada Commerce Dot Com pada 1999, ePerolehan dimaju, dilaksana dan diuruskan secara kerjasama dengan Kementerian Kewangan.

Inisiatif bersama ini telah membolehkan Kerajaan dan pembekalnya menjalankan urusan secara online menerusi Internet.

Dengan ePerolehan, pembeli-pembeli Kerajaan kini boleh membuat keputusan pemerolehan dengan lebih tepat, dengan akses yang pantas kepada maklumat produk terbaru dan penetapan harga yang tersedia menerusi online, kata Mohd Salleh.

Selain itu, dengan mempunyai pengurusan pembelian dan pembayaran yang lebih baik, PTJ seluruh negara boleh mengesan atau mengaudit proses pemerolehan dan urusan dengan pelbagai cara.

Inisiatif ini adalah sebagai pemangkin kepada peralihan negara kepada K-Ekonomi dan menggalakkan guna pakai e-dagang yang meluaskan di Malaysia, kata Mohd Salleh.

Pembekal Kerajaan sebaliknya pula boleh meraih faedah besar daripada peningkatan peluang perolehan dengan mendapat akses kepada sejumlah pembeli yang lebih besar daripada pasaran tempatan dan antarabangsa.

Ketika operasi perniagaan menjadi automasi dengan ePerolehan, pembekal-pembekal akan mempermudah proses dan mengurangkan kerja pentadbiran yang membawa kepada penjimatan dalam kos operasi di tengah-tengah tempoh pemulihan yang singkat ini.

Mohd Salleh juga menggesa semua pembekal Kerajaan yang berdaftar dengan ePerolehan, mendapatkan pembolehn sistem itu bagi mengelakkan mereka ketinggalan.

"Mendapatkan pemboleh merupakan satu proses yang mudah di mana pembekal hanya diminta membelanjakan RM300 bagi minimum satu kad pintar ePerolehan dan pembaca kad pintar ePerolehan," katanya.

Bagi kemudahan semua pengguna ePerolehan, eP Shoppes dan eP Service Points telah dibuka di pelbagai lokasi strategik di seluruh negara bagi

memudahkan proses tersebut.

Maklumat terperinci boleh diperolehi di [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).

Pusat-pusat ini banyak membantu bagi mereka yang tidak membeli prasarana yang diperlukan bagi menghubungkan kepada sistem dan ia juga menyediakan garis panduan bagi pembekal yang kurang pengetahuan dalam teknologi.

Pembekal Kerajaan juga boleh mengambil kesempatan daripada tawaran semasa khas bagi perkhidmatan kemasukan data percuma dalam katalog elektronik ePerolehan sehingga 10 item di mana kos biasa untuk mencipta setiap item itu adalah RM15.

ePerolehan di jangka menyiapkan pelaksanaan terakhir sistemnya apabila modul Sebutharga dan Tender bermula pada akhir 2002.

Bermula tahun depan, semua pembekal yang berminat menyertai tender Kerajaan perlu menyerahkan sebutharga, dokumen tender yang diperolehi dan menyerahkan tawaran tender secara online.

ePerolehan merupakan projek Aplikasi Perdana e-Kerajaan yang dimajukan di bawah inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC). Maklumat lanjut mengenai ePerolehan boleh diperolehi daripada laman webnya [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my). --

BERNAMA

MR SD ZK